

Miliknegarakan lebuah raya bakal bebaskan k'jaan'
Malaysiakini.com
February 22, 2011

Gagasan menjadikan lebuah raya milik negara bukan sahaja merupakan keputusan perniagaan yang tidak bijak malah akan menjadi beban kewangan kepada kerajaan, yang boleh mengakibatkan negara menjadi lebih miskin dan kurang maju.

Bukan sahaja kos mengambil alih lebuah raya dibiayai melalui wang rakyat malah perbelanjaan untuk menyenggara lebuah raya ini akan juga dibiayai melalui dana disatukan, kata bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Oleh kerana tiada tol akan dikenakan, kerajaan tidak akan mendapat wang daripadanya dan juga tiada cukai dipungut daripada syarikat swasta yang mengendalikan operasi jalan raya kerana mereka tidak akan ada sumber pendapatan.

"Saya rasa kualiti lebuah raya juga akan merosot (lama kelamaan)," kata Mahathir, merujuk kepada saranan agar tol dihapuskan dan kerajaan mengambil alih operasi lebuah raya di Malaysia.

Dengan memiliknegarakan lebuah raya, kerajaan juga perlu membayar upah kepada pekerja untuk menyenggara jalan raya.

"Kerajaan tidak akan meraih apa-apa daripada langkah menjadikan prasarana ini milik negara, malah dana disatukannya akan terus menguncup," tegas Mahathir.

- Bernama